

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa Kementerian tidak mengiktiraf bidang Imunologi Klinikal sebagai Sub-Kepakaran dalam Daftar Kepakaran Kebangsaan atau National Specialist Register (NSR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pengiktirafan bagi sebarang bidang kepakaran ataupun subkepakaran ke dalam *National Specialist Register* (NSR) adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perubatan Malaysia (MPM) seperti mana yang termaktub di bawah Akta Perubatan 1971 (pindaan) 2021 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 (*Medical Regulation 2017*).
2. Buat masa ini, pihak MPM tidak menerima sebarang permohonan untuk mengiktiraf bidang Imunologi Klinikal sebagai Subkepakaran dalam NSR. Sehubungan itu, sebarang pengiktirafan bidang kepakaran atau subkepakaran perlu melalui proses yang telah ditetapkan oleh MPM di dalam Garis Panduan dan Prosedur Pendaftaran National Specialist Register.

Sekian, terima kasih.